


SAMUDERA

PERPADUAN MENYANTUNI MAHASISWA GEMILANG



MINGGU KESENIAN ISLAM 2019
UMT ARCHERY STRIKE FOR GOLD
VIBES OF MURAL MAN
KARYA PELAJAR

Sidang Redaksi

PENAUNG

NAIB CANSELOR UMT
YBHG. PROFESOR DATO' DR. NOR AIENI HAJI MOKHTAR

PENASIHAT

TIMBALAN NAIB CANSELOR HEPA
YBHG. PROFESOR TS. DR CHE MOHD RUZAIDI GHAZALI

EDITOR PENGURUSAN

PENGARAH PPHKP
DR. IZAN BINTI DATO' HAJI JAAFAR

KETUA PENGARANG

MPP EXCO PUBLISITI DAN PENERBITAN
SITI NURKHAIRUNNISA BINTI MOHAMAD SHARIFF

TIMBALAN KETUA PENGARANG

MPP EXCO TEKNOLOGI DAN MULTIMEDIA
NISA SYAFIQAH BINTI RAMLI

PEMBACA PRUF

MOHAMMAD ASYRAF ADHWA BIN MASIMEN

PEREKA

SITI NURKHAIRUNNISA BINTI MOHAMAD SHARIFF
DEBRA MADULI
NUR MIRRAH 'AFINA BINTI ZALID

WARTAWAN

TENGGU NURIAH TENGGU ABDUL RAHMAN
DEBRA MADULI
NUR SAKINAH MUNIB
NUR MIRRAH 'AFINA BINTI ZALID
FARAH AZWANI
IFFAH YAHYA
IZYAN DIANA ABIDIN
MD MAHADI HASAN IMRAN
MOHAMAD ZULKARNAIN BIN MOHD DALI

Hak Cipta Terpelihara © 2019.
Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang
mana-mana bahagian artikel,
ilustrasi dan isi kandungan buku
ini dalam apa juga bentuk dan
dengan apa cara sekalipun sama ada
secara elektronik, fotokopi, mekanik,
rakaman, atau cara lain sebelum
mendapat izin bertulis daripada
Pengarah Penerbit UMT, Universiti
Malaysia Terengganu, 21030 Kuala
Nerus, Terengganu, Malaysia.

ISI KANDUNGAN

JUNE 2019 | Edisi 70



FOKUS UTAMA

BICARA MURABBI SEJUVA UMMAH
DIBANJIRI RIBUAN ANAK MURID

5

UMT ARCHERY STRIKE FOR GOLD

7

THAILAND-MALAYSIA BORDER
NETWORK 2019

8

BADAN BERUNIFORM

KAWAL SISWA UMT

9

AKADEMIK

FORUM HALATUJU KERJAYA

10

KELAB

EKSPEDISI SABAH 1.0

11

BORNEO GATHERING NIGHT 2.0

12

HIKING BUKIT MARAS BATU RAKIT
TERENGGANU

13

KESUKARELAN

VIBES OF MURAL MAN

14

KARYA PELAJAR

PERJUANGAN

16

ZERO TO HERO

20

KEPENTINGAN PENGUCAPAN AWAM

21

KEROHANIAN

SEEKING LAILATUL QADR

23

KESIHATAN DAN KESELAMATAN

SAFETY AND HEALTHY EATING TIPS
RAMADAN

24

3

BICARA

KETUA

PENGARANG

Siti Nurkhairunnisa Binti Mohamad Shariff



Assalamualaikum dan Salam UMT Cita Warisan

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dapat juga majalah Samudera edisi ke-70 berjaya disiapkan untuk tatapan warga Universiti Malaysia Terengganu.

Pertama sekali, saya sebagai ketua pengarang mewakili ahli sidang redaksi 2019 amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk membuat catatan yang boleh diselitkan dalam helaian majalah Samudera ini. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak pentadbiran kerana memberi sepenuh kepercayaan kepada saya bagi mengalas jawatan ini. Saya juga ingin berterima kasih kepada semua yang berkerjasama bagi merealisasikan penghasilan majalah ini.

Bagi pengetahuan semua majalah Samudera ini dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar dimana kami seramai empat orang bersatu dan menggabungkan idea bagi menghasilkan majalah ini. Majalah ini merupakan salah satu platform bagi pelajar memperkenalkan kelab mereka dengan mencoretkan aktiviti-aktiviti kelab yang dijalankan di UMT. Selain itu, pelajar juga dapat mengembangkan bakat mereka dalam penulisan.

Saya berharap agar kerjasama yang berterusan daripada mahasiswa/i secara khususnya dan bimbingan dari pihak penerbit yang tidak jemu memberi sokongan padu selama ini dapat menggembleng usaha bersama bagi menjadikan majalah ini dikenali oleh semua warga UMT.

Selamat hari raya aidilfitri maaf zahir dan batin.

Khairunnisa

BICARA MURABBI SEJUTA UMMAH DIBANJIRI RIBUAN ANAK MUDA



Pada 25 Mac 2019, buat julung kalinya Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah mengadakan Minggu Kesenian Islam (MKI) yang berlangsung selama seminggu. Pelbagai aktiviti dan pengisian yang berunsur kesenian Islam dihidangkan kepada mahasiswa dan warga setempat. Tidak melepaskan peluang, pihak Kelab Amatur Intelektual (KAI) salah satu kelab kerohanian Islam di UMT telah bertanggungjawab mengendalikan Slot Bicara Murabbi Sejuta Ummah (BMSU) pada malam keempat MKI. Slot yang berlangsung selama tiga jam lebih itu diserikan dengan menampilkan ulama' yang tersohor di Malaysia iaitu Ustaz Azhar Idrus (UAI). Sanggar Siswa UMT telah menjadi saksi bahawa anak muda amat dahagakan santapan rohani berupa ceramah keagamaan. Fenomena cintakan majlis ilmu perlu terus dipupuk di dalam diri mahasiswa/wi agar budaya cintakan ilmu tidak terbatas hanya dalam dewan kuliah sahaja.

Ceramah santai yang disampaikan berunsur soal jawab berkaitan hukum fiqh, isu semasa, politik, penggunaan media sosial dan gejala sosial yang melanda mahasiswa mutakhir ini. Pembawakan ceramah yang santai dan berilmiah ini disambut baik oleh mahasiswa tidak mengira perbezaan latarbelakang bidang pengajian. Program sebegini menjadi satu wadah untuk membuka pemikiran mahasiswa agar lebih cakna tentang isu semasa yang sedang berlaku diluar pagar universiti. Memetik kata-kata UAI bahawa "Anak-anak muda hanya disuapkan makanan jasmani tetapi lupa untuk dihidangkan juga makanan rohani.

Apabila rohaninya sudah lapar maka mereka akan makan apa sahaja jenis hidangan yang berunsur gejala yang tidak bermoral dan menyedihkan lagi unsur barat menjadi perasa utama hidangan itu”.



Pihak KAI UMT tidak menafikan bahawa Minggu Kesenian Islam telah memberi impak yang besar dalam keberlangsungan dakwah kepada mahasiswa. Pusat Islam Sultan Mahmud dibanjiri ribuan pelajar dan masyarakat setempat selama seminggu program berlangsung. Sentimen kuno bahawa masjid merupakan tempat untuk beribadah sahaja telah berjaya diruntuhkan dengan adanya pelbagai aktiviti dan jualan disekitar masjid sepanjang Minggu Kesenian Islam berlangsung. Paling mengagumkan program berunsur hiburan Islam ini turut disertai oleh pelajar bukan Islam yang terdiri daripada bangsa cina dan india. Hal ini membuktikan MKI bukanlah bertujuan untuk berhibur semata-mata tetapi lebih kepada menyampaikan dakwah secara tidak langsung. Di samping mendekatkan mahasiswa dengan institusi masjid dan terdedah kepada hiburan yang beracukan syariat Islam.

Dikesempatan ini, pihak KAI UMT mengucapkan setinggi tahniah kepada pihak Universiti Malaysia Terengganu (UMT) atas sikap keterbukaan untuk mengadakan program berilmiah sebegini. Sikap yang matang dan profesional tanpa meletakkan isu politik sebagai batu tembok yang menjadi penghalang keberlangsungan dakwah di kampus perlu dicontohi institusi pengajian awam/swasta lain yang ada di Malaysia. Jutaan terima kasih diucapkan kepada barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) serta Barisan Kelab Enam Sayap Pusat Islam Sultan Mahmud atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan program “Bicara Murabbi Sejuta Ummah”. Kebersamaan yang diberikan menjadi satu bukti kecintaan kepada Islam. KAI juga mengambil peluang untuk menyeru pihak universiti dan seluruh badan kerohanian UMT untuk sama-sama menyokong pendekatan yang dibawa oleh kerajaan Terengganu yang telah mengistiharkan hari jumaat sebagai hari ilmu diseluruh negeri. Peluang sebegini perlu digarap sebagai satu inisiatif membudayakan peribadi mahasiswa kearah cinta kepada ilmu.



Disediakan oleh
IFFAH YAHYA

UMT Archery Strike for Gold

On 6th to 10th March 2019, UMT had sent a contingent of 17 athletes to Cut Open Archery Tournament at Westland Sports Excellence Center, George Town, Penang. All the athletes participated in 50 meter Open Category, Men and Women Recurve. The contingent was lead by Wan Mohammad Aiman bin Wan Anuar as our club's president. The tournament was participated by a number of schools, universities and archery clubs from all over Malaysia making it one of the most prominent annual national games.

The journey started on midday of 6th March in 12 hours journey to Westland, George Town, Penang from UMT. On the first day of arrival the athletes had an official practice for the whole day and also tackle inspection and all the athletes passed the inspection and prepared all the equipment and get themselves used to the field and wind for the next 3 days of tournament.

On the first day of tournament, the qualification round was held, finishing double 50 meters distance and our athletes managed to win a number

of medals and qualify themselves into elimination round that was held on the 2nd day. Medals won on those two events was by Nuri Hafizhin Afif bt Rosle (2 Golds) and Siti Salsabilah binti Hasan (2 Bronzes), Muhammad Shahir Shafiq Bin Khairul Nazri (ranked 4th), Muhammad Syazali bin Zulkifl (ranked 10th), Nor Faizah Binti Adam (ranked 6th), Nurul Izzati Binti Ramli (ranked 7th), Nor Aqeela Ashira binti Mohd Hamali (ranked 8th), Chaizani binti Mohd Shamsudin (ranked 10th).

During the team elimination round on the third day, UMT managed to win 1 gold (UMT A Woman Recurve), 1 silver (UMT A Men Recurve) and a bronze (UMT B Woman Recurve).

The tournament was a huge success for Team UMT with the total of 12 medals earned by the whole team. Despite the extreme heat and several problems faced through the tournament, we managed to bring home honor in the name of Universiti Malaysia Terengganu, and the state of Terengganu itself.



Westland Sports Excellence Center, George Town, Penang





Pada 20 hingga 21 April yang lepas, telah diadakan satu program yang dinamakan Thailand – Malaysia Border Network atau TM-BorN di Prince of Songkla University (PSU), Kampus Pattani. TM-BorN merupakan sebuah program kerjasama antarabangsa di antara universiti – universiti yang bersempadanan di kedua negara. TM-BorN merupakan satu inisiatif daripada PSU dan kerajaan Thailand bagi mengeratkan jaringan kerjasama dan silaturahim dengan semua universiti tempatan yang bersempadanan dengan wilayah selatan Thailand, iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).



Thailand – Malaysia Border Network (TM-BorN) 2019

Program ini juga bertindak sebagai medan bagi mahasiswa dari kedua-dua negara untuk mengasah bakat dalam bidang pengucapan awam dan seni kebudayaan. Program ini telah dihadiri oleh Rear Admiral Somkeart Ponprayoon, Rtn., Deputy Secretary General of the Southern Border Provinces Administrative Center (SPBAC) Acting Secretary General, The Royal Thai Consulate-General Kota Bharu, En. Mongkol Sinsomboon, Timbalan Presiden Pembangunan Pelajar PSU Kampus Pattani, Dr. Bordin Waelateh, Dekan Fakulti Sains Bumi Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Profesor Madya Dr. Aweng a/l Eh Rak, pensyarah UiTM Kelantan, Dr. Khalid Abdul Wahid, serta pegawai-pegawai daripada PSU Kampus Pattani.

Pihak UMT telah menerima jemputan ke TM-BorN dan menghantar delegasi seramai lima orang yang terdiri daripada anggota Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Kelab Debat Mahasiswa Intelektual (DeMI). Bagi acara Multicultural Debate, pasukan debat bahasa Inggeris UMT terdiri daripada tiga orang telah mengambil bahagian di dalam acara ini.

Pasukan ini dianggotai oleh Mohamad Zulkarnain Bin Mohd Dali, pelajar Sarjana Muda Sains (Sains Marin) yang juga Exco Akademik Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2018/19, Ummu Aisyah Binti Mansor (Sarjana Muda Sains Gunaan Fizik Elektronik & Instrumentasi) dan Alia Aisyah Bt Abdul Aziz (Sarjana Muda Sains Gunaan Teknologi Maritim). Pasukan debat bahasa Inggeris UMT yang dibimbing oleh pelajar Sarjana Sains (Ekologi), Abdul Syukor Yusoff telah berjaya menewaskan pasukan tuan rumah iaitu PSU Kampus Pattani untuk muncul juara bagi acara debat berkenaan. Acara ini menyaksikan pasukan debat bahasa Inggeris UMT buat julung kalinya muncul juara di peringkat antarabangsa.



Bagi meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan di kalangan pelajar, Kolej Siswa, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Majlis Kolej Siswa (MKS) mengadakan Majlis Perasmian Skwad Kawal Siswa UMT bertempat di Dewan Al-Irfan baru-baru ini.

Majlis yang dirasmikan oleh Komandan KOR SUKSIS UMT yang merangkap Timbalan Naib Canselor HEPA, Prof Ts Dr Che Mohd Mohd Ruzaidi Ghazali.

Skuad Kawal Siswa ditubuhkan bagi mewujudkan keadaan kampus yang selamat untuk kesejahteraan pelajar menerusi kolaborasi mantap antara HEPA universiti melibatkan 130 orang anggota badan-badan beruniform yang bernaung di bawah universiti.

Beliau berkata, program tersebut diperkenalkan adalah bertujuan memupuk sikap bertanggungjawab dalam diri anggota dan para pelajar supaya

sentiasa mematuhi peraturan dan etika yang ditetapkan sebagai mahasiswa sepanjang pengajian.

“Kita juga ingin membentuk hubungan baik antara badan beruniform yang terdapat di universiti supaya dapat menjadi antara pasukan yang mantap di kampus dan lebih berketerampilan”, ujar beliau lagi.

Che Mohd Ruzaidi, turut menambah, bahawa sejak kebelakangan ini, berita mengenai kegiatan jenayah seperti kecurian, kegiatan tak bermoral dan sebagainya berlaku di tempat awam dan komuniti setempat. Maka sebagai

langkah untuk berjaga-jaga, UMT sentiasa prihatin dan bersiap sedia agar perkara sedemikian dapat dicegah sebelum ianya mengakibatkan ancaman kepada pelajar. Di samping itu, program diadakan bagi melahirkan kawasan kampus yang selamat sejahtera kepada para pelajar.

Majlis Perasmian Skwad Kawal Siswa turut dihadiri oleh Ketua Jurulatih KOR SUKSIS UMT,

KAWAL SISWA UMT



PELAJAR BADAN BERUNIFORM SAMBUT BAIK KERJASAMA TINGKATKAN KESELAMATAN KAMPUS

Forum Halatuju Kerjaya



KATA HATI

atau

KEMAMPUAN DIRI

Forum Halatuju Kerjaya telah dilaksanakan pada 30 March 2019 di Auditorium Mahyuddin, Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim bertujuan untuk memberi maklumat dan pendedahan kepada pelajar jurusan sains makanan berkenaan peluang pekerjaan dan kebolehan pasaran pelajar.

Panel forum Halatuju Kerjaya ini terdiri daripada pensyarah Pusat Pengajian Sains dan Teknologi Makanan sendiri iaitu Dr. Tuan Zainazor Tuan Chilek, Dr. Amir Izzwan Zamri, dan Dr. Fisal Hj Ahmad telah berkongsi prospek kerjaya dalam prospek kerajaan, swasta, dan self-employee.

Berkonsepkan kata hati atau kemampuan diri, forum ini membincangkan aspek yang perlu diambil kira sebelum memohon atau menceburi sesuatu pekerjaan. Tips-tips semasa temuduga dalam ketiga-tiga prospek kerjaya turut dikongsi seperti keterampilan diri, cara menjawab soalan yang diajukan oleh penemuduga dan persiapan sebelum menghadapi temuduga.

Para graduan perlu cakna dengan isu-isu semasa, menyelidik terlebih dahulu tentang jawatan yang dipohon dan memantapkan diri dengan ilmu yang dipelajari sepanjang pengajian supaya dapat diaplikasikan ketika bekerja.

Makanan adalah keperluan yang paling asas bagi manusia. Oleh itu, ketiga-tiga panel meyakinkan bahawa peluang pekerjaan bagi pelajar sains makanan adalah sangat luas. Antara jawatan yang boleh dipohon adalah di Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan Malaysia, JAKIM, SIRIM, MARDI, dan sebagainya. Para panel turut mengesyorkan agar para pelajar menceburi bidang perniagaan.

Kesimpulannya, forum ini merupakan satu inisiatif yang baik oleh Food Science Club bagi membantu para pelajar sains makanan. Maklumat yang diperolehi daripada program ini telah mendapat respon positif dan amatlah berguna untuk dijadikan persediaan dalam menghadapi cabaran kerjaya dan membuka mata graduan tentang peluang pekerjaan yang menanti.

EKSPEDISI SABAH 1.0



Ekspedisi Sabah Kemasis 2018 merupakan aktiviti lawatan pelajar Universiti Malaysia Terengganu ke negeri Sabah yang pertama kali dianjurkan oleh Kelab Mahasiswa Sabah (KEMASIS). Ekspedisi ini telah dijalankan selama 5 hari iaitu pada 20 hingga 24 Januari 2019.

Pelbagai aktiviti yang menyeronokkan telah dijalankan untuk memberi pengalaman terutama kepada pelajar yang tidak pernah menjejakkan kaki ke negeri Sabah. Pada 20 Januari, para peserta telah berkumpul di tapak konvo UMT untuk bertolak ke KLIA 2 dan tiba di lapangan terbang pada 21 Januari untuk berlepas ke negeri Sabah.

Pada 22 Januari, para peserta telah bertolak ke Sekolah Pra Universiti Putatan untuk menjalankan program ekspedisi yang pertama. Pelbagai aktiviti telah dijalankan bagi mengeratkan silaturrahim antara pelajar UMT dan pelajar Pra Universiti Putatan. Selain itu, pelajar UMT juga banyak berkongsi tentang pengalaman sebagai pelajar Universiti dan cara-cara mengisi borang UPU dengan baik.

Aktiviti kedua telah dijalankan pada 23 Januari di SK Bantayan. Setelah aktiviti antara pelajar UMT dan pelajar SK Bantayan selesai dijalankan, para peserta ekspedisi telah bertolak ke Kundasang untuk aktiviti seterusnya. Antara aktiviti menarik yang telah dijalankan di Kundasang pada malam itu ialah makan malam/BBQ untuk mengeratkan hubungan antara peserta.




BORNEO GATHERING NIGHT 2.0



Program ini dijalankan oleh Kelab Mahasiswa/i Sabah (KEMASIS) dengan kerjasama daripada Kelab Kebudayaan Sarawak UMT (KKS) dan turut dihadiri oleh pelajar-pelajar Borneo daripada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Program ini dijalankan di UMT pada 16 March 2019 dari jam 9 hingga 11 Malam.

Pelbagai aktiviti yang santai dan menyeronokkan telah diadakan sepanjang program ini berlangsung.

Program ini dijalankan bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim antara pelajar Borneo yang menuntut di UMT dan di UniSZA. Melalui program ini juga pelajar-pelajar Borneo ini boleh berkongsi perasaan mereka sebagai anak perantau. Mereka juga boleh saling menasihati dalam menempuhi kehidupan sebagai seorang pelajar.



Program ini tidak dinafikan mampu mencapai objektif iaitu untuk mengeratkan silahturrahim dan berkongsi pendapat antara pelajar Borneo UMT dan UniSZA. Diharapkan ukhwah yang dibina semasa program ini akan terus kukuh.

Disediakan oleh :
NUR SAKINAH MUNIB

Hiking Bukit Maras Batu Rakit Terengganu

Pada 8 Mac 2019 yang lalu , Kelab Kebudayaan Mahasiswa/i Sabah (KEMASIS) buat pertama kalinya telah menganjurkan program Hiking Bukit Maras yang terletak di Batu Rakit , Terengganu . Seramai 100 peserta yang terdiri daripada pelajar Universiti Malaysia Terengganu termasuk ahli jawatankuasa KEMASIS telah terlibat dalam program ini dan diiringi seorang pengiring khas daripada Pusat Kesihatan Universiti UMT .

Program Hiking Bukit Maras ini telah diketuai oleh Presiden Kelab itu sendiri iaitu Salman Shah bin Buajan . Pendakian tersebut mengambil masa selama satu jam sehingga dua jam mengikut stamina para peserta . Terdapat beberapa checkpoint yang terletak berdekatan dengan pondok rehat yang dikawal rapi oleh ahli-ahli KEMASIS untuk mengelakkan sebarang situasi yang tidak diinginkan berlaku .

Pengarah Program Hiking Bukit Maras , Nazira binti Jimmy berkata , walaupun pendakian Bukit Maras itu agak cerun dan berbahaya untuk di daki , namun hampir kesemua peserta berjaya menamatkan pendakian tersebut dan kembali dengan selamat . Saudari Nazira juga menyatakan bahawa para pelajar juga dapat meluangkan masa mereka dengan melakukan aktiviti sihat pada hujung minggu itu.



Vibes
of Mural
Man



Pantai Batu Buruk, 1 Mei- Assalamualaikum wbt. Alhamdulillah, syukur kepada Allah atas segala kurnia-Nya. Selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Setelah tiga hari berturut-turut team mural Community Art Exco Pendi-dikan dan Kebajikan (EPK) dari Kelab Amatur In-telektual (KAI) bertungkus lumus menyiapkan mural, akhirnya selesai sudah misi tersebut.

Hujan panas bukanlah alasan yang menjadi penghalang buat team mural EPK. Bermula dengan modal kecil-kecilan sahaja, menggunakan cat satu liter bagi setiap warna mampu digunakan untuk melukis mural bersaiz 15 x 20 kaki. Rekaan khas oleh Setiausaha Agung Kelab Amatur Inteltektual UMT, Saudara Amirul Ikram menjadi pilihan Datuk Bandar Kuala Terengganu. Rekaan yang mengandungi lakaran jambatan baru yang sedang dibina di Kuala Terengganu menjadi tarikan utama mural kami. Terima kasih atas kesudian beliau dalam menyumbangkan cadangan rekaan.


Begitu juga dengan pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu yang turut sama terlibat dalam menjayakan program ini dengan menyediakan tempat lokasi mural. Pengurusan yang sistematik dan strategik oleh pihak Majlis Bandaraya, yang mana mereka

begitu meraikan pihak kami dan memberi kepercayaan penuh kepada kami. Begitu juga dengan pihak kontraktor tandas awam, yang turut sama memberi sumbangan dalam keberlangsungan program. Ribuan terima kasih diucapkan.

Tidak dilupakan juga susuk tubuh seorang pelukis mural tempatan Terengganu, Encik Hatta Hashim. Beliau seorang yang berprinsip teguh, tahu apa yang beliau inginkan, pantas dan cekap dalam mengendalikan team mural EPK KAI. Seorang ketua yang sangat baik, dalam membahagikan tugas. Beliau tidak jemu berkongsi ilmu mural kepada team kami. Bermula dengan Bengkel Community Art 1.0 , bengkel 2.0 sehinggalah ke hari terakhir program. Teringat kata-kata beliau yang disambut gelak besar tapi amat mendalam maknanya,



"Straight is engineering, senget is seni."
- Hatta Hashim, 2019.



Disediakan oleh :
IFFAH YAHYA

The image features two overlapping drawings of rainbows on white paper. The top drawing is a vibrant rainbow with distinct bands of red, orange, yellow, green, blue, and purple. The bottom drawing is a similar rainbow but with a more textured, brush-stroke appearance. The text 'Karya Pelajar' is written across the middle of the rainbows in a bold, black, stylized font.

Karya Pelajar

PERJUANGAN

Tit...titittttttttt...

Mesin bantuan pernafasan terhenti..

Suasana di wad 4EF HSNZ yang hening pagi itu dipecahkan dengan tangisan Nur Jannah dan kakaknya, Syazana. Akhirnya bonda tercinta Nur Jannah telah menghembus nafas terakhir setelah satu minggu bertarung nyawa akibat komplikasi septicemic shock secondary to multiple bedsore multifocal lacunar infarct.

Longlai kakiku saat turun dari van jenazah. Makin lemah diri ini ketika melihat ahli keluarga dan sanak saudara menanti kepulangan kami. Kepulangan bonda tercinta ke pangkuan Sang Pencipta yang tidak akan kembali lagi ke dunia yang fana ini. Aku seakan tidak bersedia dengan kehilangannya ini. Bukan aku tidak reda akan ketentuan Ilahi tetapi di saat aku bergelut untuk memperoleh segulung ijazah, aku memerlukan doa, semangat, nasihat daripada insan yang hebat itu di mata aku. Kini aku menjadi seorang yatim piatu setelah ibu mengikuti pemergian bapa tersayang pada tiga tahun lalu. Ya Allah, tiada daya upayaku melainkan dengan pertolonganMu yang Maha Berkuasa.

Majlis tahlil malam itu penuh kesayuan. Jiwaku kosong. Tiada lagi ucapan mesra seorang ibu kini ku hilang sudah satu punca berkat doa seorang ibu yang mengiringi langkahku. Hatiku bermonolog hebat. Pandanganku jatuh ke arah adikku yang bongsu yang kini berumur 15 tahun. Aku harus kuat demi adik lelakiku ini. Masih terngiang-ngiang di telinga akan wasiat terahir arwah ayahku untuk menjaga adikku itu. Jatuh air matanya di pipi. Masih jelas di

Untuk melupakan hati yang lara, aku bergiat aktif dalam persatuan islamik dan akademik. Aku menyibukkan diri dalam semua program yang dianjurkan di pusat pengajian dan kelab-kelab. Alhamdulillah, berkat sokongan dari keluarga dan sahabat, kini aku diberi amanah untuk menyandang jawatan Majlis Tertinggi persatuan islamik. Menjadi rutin harianku juga untuk menjenguk keluarga di kampung yang memakan masa selama satu jam untuk sampai ke kampung halamanku.

Khabar dari kampung menerusi mesej telah mengujiku sekali lagi. Satu-satunya adik lelakiku, Hafiz dikejarkan ke kecemasan kerana mengalami jangkitan kuman dalam badan. Satu persatu penerangan doktor pakar melemahkan aku. Allahu, ujian Allah mematangkan jiwa ini. Alhamdulillah. Hatiku tersentak. Astaghfirullah. Siapalah aku hanya insan kerdil yang hina untuk mempersoalkan qada' dan qadar Allah Yang Maha Agung. Keadaan Hafiz agak kritikal dan terpaksa menjalani pembedahan yang risikonya 50-50. Dia terpaksa ditahan di wad untuk jangka masa yang lama. Aku dan kakakku, Syaziera bersilih ganti untuk menjaga Hafiz di hospital. Kebuntuan menyerang jiwaku. Allah jualah tempat kita sebagai manusia yang hina ini untuk bergantung harap.

Fikiranku melayang sejenak, aku tidak ingin membebankan kakakku yang lain yang juga mempunyai tanggungjawab yang lain. Jujur, aku tidak pernah mengharap belas kasihan daripada orang lain. Padaku, cukuplah pada Allah Yang Maha Mengetahui.

Usulku untuk menanggung pengajian ditentang hebat oleh keluarga dan sahabatku. Niatku ingin bekerja walaupun tanggungjawab bukan tergalas di bahu. Tetapi, akulah yang bertanggungjawab untuk menjaga adikku. Sokongan dan dorongan daripada adik-beradik, saudara mara dan sahabat seperjuangan telah mengubah fikiranku untuk meneruskan perjuanganku sebagai seorang pelajar di tahun akhir di sebuah IPTA. Keputusan akhir yang aku pilih adalah untuk berulang alik dari pusat pengajian ke hospital dan aku juga mengambil inisiatif lain demi menampung perbelanjaanku di universiti. Aku mengambil keputusan untuk bekerja sambil di gerai jualan. Jadualku 100% berubah. Pusat pengajian, hospital dan gerai jualan silih berganti. Penat! Itu sahaja yang dapat diungkap pada bibir ini dan itu saja soalan kepada semua soalan.

Bagi aku, penat di dunia adalah sementara sahaja. Tidak mengapa duhai insan yang kerdil, Allakan ada dan kepada Allah jua tempat manusia mengadu. Minta dan berdoaalah kepada Allah. Selagi kudrat ini Allah izinkan untuk aku pinjam, aku tidak ingin menyusahkan orang lain. Sungguh, perjalanan hidup seorang hamba Allah di muka bumi ini terlalu banyak ujian dan cabaran. Perjalananku penuh dengan onak duri dan likuan mencabar. Fikiranku memberat. Bagai tidak tertanggung rasa yang bercampur baur. Memikirkan tentang kuliahku, keluargaku, dan masa depanku.

Kuasa Allah telah mentakdirkan kehadiran insan yang banyak memberi inspirasi kepadaku. Aku telah dipertemukan dengan dua insan yang sangat ku kagumi dan sangat aku hormati. Mereka ku gelar pak cik dan mak cik. Mereka memahami kesulitan atas apa yang berlaku pada diriku dan ucapan nasihat dan semangat mereka menusuk jauh ke dasar lubuk hati ini. Hampir lima tahun aku telah dipertemukan dengan pak cik dan mak cik, mereka telah aku anggap seperti anugerah daripada Allah yang hadir untuk membantu kami sekeluarga. Maha Suci Allah, masih ada insan yang terlalu mulia hatinya seperti kedua-dua arwah ibu dan bapa terhadap aku dan keluarga.

Aku harus bangkit dan menjadi Nur Jannah yang mempunyai semangat yang baru. Aku yakin dengan takdir Allah yang Maha hebat. Selagi mana nyawa ini di kandung jasad, selagi itulah ujian itu akan menyapamu. Lihatlah ujian dengan iman, nescaya kamu menemui kemanisannya. Ramadan menjelma. Aku bakal menduduki peperiksaan akhir semester pada bulan Ramadan ini. Aku bertekad untuk menghadapi segala ujian ini dengan jiwa kental. Selagi mana bibirmu dibasahi dengan zikrullah, nescaya hatimu menjadi tenang. Tuhan telah berfirman dan ketahuilah dengan mengingati Allah jiwa akan menjadi tenang. Kebahagiaan itu satu kesyukuran. Di saat sahabat-sahabat lain belajar dan mengulang kaji untuk menghadapi peperiksaan akhir semester di tempat yang selesa, aku diberi peluang oleh Allah Yang Maha Mengetahui untuk merasai study week di dalam wad. Bohong jika aku tidak rasa cemburu pada sahabat-sahabatku.

Allah kurniakan setiap manusia berbeza ujiannya. Jujur, aku tidak dapat memberi perhatian sepenuhnya kepada apa yang aku baca.. Aku membelek nota-nota di kaki katil dengan harapan aku akan memahami segala apa yang dibaca. Aku menghadapi peperiksaan dalam keadaan tidak bersedia fizikal dan mental tetapi aku harus menaharunginya demi menamatkan ijazahku yang berbaki beberapa semester lagi. Doakan ku tidak putus-putus meminta pada Allah agar dipermudahkan. Pada waktu insan lain enak berbuka puasa bersama keluarga tersayang dengan pelbagai juadah, aku pula berbuka puasa dalam wad yang penuh kesyahduan. Suasana antara maghrib ke isyak bagiku adalah waktu yang paling penuh kesyahduan.

ALHAMDULILLAH.

Ucapan yang seharusnya sentiasa membasahi bibir kita. Nikmat Allah terlalu besar untuk kita hitung. Melihat orang lain di uji dengan lagi berat ujiannya, aku merasakan jiwa ini perlu mencontohi mereka. Subhanallah. Mereka sangat kuat dan bersyukur. Mereka memberiku inspirasi untuk aku menjadi lebih kuat. Kekuatan itu datang dari Allah, mintalah dari Allah. Fasobrun Jameel (sabar itu indah). Tiada kata-kata yang dapat dizahirkan.

Firman Allah SWT dalam **Surah Al-Baqarah ayat 286**

Maksudnya: “Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa): Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebankan kepada orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! Janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tak terdaya memikulnya. Dan maafkanlah kami, dan ampunkanlah kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; maka tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum yang kafir.” (286)

Pesan seorang ustaz kepadaku yang kini masih terngiang-ngiang di telingaku iaitu sabar banyak-banyak dengan solat dan berdoa. SOLAT dan DOA adalah senjata orang mukmin. Alhamdulillah, di saat rasa kesempitan, Allah telah menghadirkan insan-insan yang baik hatinya untuk membantu kami sekeluarga dengan berkongsi rezeki daripada Allah Ya Razzaq. Mereka datang menghulurkan bantuan dan sokongan. Walaupun aku tidak pernah mengharapkan belas kasihan daripada mereka, tetapi sejuta syukur ku panjatkan atas rezeki Allah yang luas itu. Aku pernah mendengar kata-kata hikmat ini daripada seseorang yang hebat, ‘bersedekah kamu di kala kamu dalam kesusahan, nescaya Allah menambahkan nikmat dan rezeki pada kamu’. Tidak lupa kepada pak cik dan mak cik kerana banyak membantu kami sekeluarga dan dengan belas kasihan mereka pada kami. Sungguh, tiada istilah yang dapat diberikan dan tiada balasan yang dapat disalurkan pada mereka. Hanya Allah Taala sahaja yang dapat membalas segala kebaikan mereka dan seluruh saudara maraku. Aamiin.

Hampir 2 bulan Hafiz di hospital, doktor memberi kebenaran untuk pulang ke rumah dengan izin Allah yang Maha mengetahui. Walaupun tidak sepenuhnya pulih, kami mengambil inisiatif untuk merawatnya di rumah. Menjaga orang sakit umpama menarik rambut dalam tepung. Rambut tidak putus, tepung tidak berselerak. Emosinya benar-benar menguji jiwa yang hanya Allah memahami. Hari silih berganti, berpegang pada kejayaan itu milik orang bertakwa. Aku yakin orang yang bertakwa pada Allah ialah orang berjaya dunia akhirat. Hafiz semakin sembuh setelah empat bulan terlantar. Sujud syukur kepada Allah Taala atas rahmat dan nikmat kurniaan-Nya. Benarlah janji Allah, andai kamu bersyukur Allah akan tambah nikmat itu. Keputusan peperiksaan sudah keluar dan aku lulus dengan cemerlang. Walaupun tidak sehebat orang tetapi aku percaya rezeki itu Allah telah kurniakan kepada setiap orang. Pesan sahabatku, jangan pernah kamu bandingkan kamu dengan orang lain kerana kamu tidak tahu apa yang Allah ambil daripadanya. Allah akan memberi apa yang kita perlu dan bukan apa yang kita hendaki.

Rezeki Allah datang dengan izin-Nya tanpa putus. Tidak aku lupa juga kepada Pusat Islam yang dibantu oleh staf-staf yang baik dan berdedikasi telah banyak membantu aku sepanjang pengajianku di sini. Aku diberi peluang untuk menerima zakat untuk pelajar asnaf. Sokongan keluarga, saudara mara, sahabat-sahabat seperjuangan, mak cik dan pak cik tidak jemu menabur ihsan kepada kami.

Mentari pagi bersinar terang dengan kicauan burung burung menceriakan suasana. Sisi gelap itu makin sinar dengan cahaya kegembiraan makin menyapa. Jambangan bunga menghiasi tiap penjuru bagai menanti saat graduan yang bakal menerima segulung ijazah nanti. Perasaan aku sebu, bercampur baur dengan rasa gembira, sedih dan syukur. Tidak percaya hari ini adalah hari bersejarah buat insan bergelar pelajar seperti aku. Hari ini aku akan berjalan di atas pentas yang tersegam indah untuk menerima segulung ijazah Sarjana Muda Sains (Sains Biologi). Sekilas, mataku berkaca dan akhirnya mutiara putih gugur. Aku melihat terpancar cahaya kebahagiaan pada wajah sahabat-sahabatku yang Bersama-sama dengan kedua ibu bapa mereka. Mengingati akan kepada kedua-dua arwah ibu dan bapaku yang tidak mungkin akan Bbrsama dengan aku pada hari bersejarah ini. Menyorot ke arah mereka yang berkumpul untuk meraikan hari bersejarah. Terselit rasa bahagia melihat ahli keluarga serta pak cik dan mak cik turut hadir. Terbit rasa sayu di lubuk hati yang dalam ini akan ibu dan ayah tercinta untuk melihat kecemerlangan anaknya ini. Skrol di tangan ku genggam erat. Bisikan halusku menyapa, kejayaan ini untuk ibu dan ayah. Inspirasiku, sesungguhnya perjuangan si yatim piatu ini belum selesai. Kejayaan milik orang bertakwa. Alhamdulillah. Terima kasih Allah.



Hasil Karya :
FARAH AZWANI



*“Failure is only the opportunity to begin again more intelligently”
- Henry Ford.*

My story also got started from failure

I have passed my higher secondary/STPM 2012. After that I was rejected to enroll in any government university in Bangladesh. I applied to the air force as a pilot officer and passed the written, oral and ISSB (inter service selection board) exam but finally I was rejected. Again I applied to the ARMY as a second lieutenant but in the last moment I was unable to attend the four-day ISSB exam due to a bus accident. I was rejected there too while I applied to the Bangladesh Marine Academy for marine engineering.

Then, I decided to study abroad and choose marine technology. So, I came here in Malaysia. First time it was too hard to adapt to a new place with different people, cultures and languages but with the blessing of Allah, hard work, and support of my family I have successfully passed my diploma with 93% of marks and the college awarded me as their best student by “President Award”

I was rejected to enroll in the Bangladesh Marine Academy but now I am studying in UMT, which is one of the best universities in Asia for maritime technology.

I was rejected a lot of times and I used a few years of my life for it but I never give up my dreams because I believe,



“Time isn't the main thing, it's the only thing”

Hasil Karya,
MD MAHADI HASAN IMRAN

KEPENTINGAN PENGUCAPAN AWAM



Sebagai seorang mahasiswa, seseorang itu perlu melengkapkan dirinya dengan pelbagai bidang ilmu bukan sahaja berkenaan bidang yang dipelajari, namun juga ilmu-ilmu ataupun teknik-teknik yang mampu memberi nilai tambah buat diri sendiri. Bagi mendepani era dunia tanpa sempadan seiring dengan cabaran Revolusi Industri Keempat, teknik komunikasi telah ternyata menjadi satu kewajipan untuk dikuasai oleh mahasiswa dan mahasiswi pada masa kini. Bagi menyahut hasrat kerajaan mahasiswa pada hari ini perlu menyumbang kepada masyarakat dalam penyebaran ilmu, dan perkara ini hanya dapat terlaksana sekiranya seseorang pelajar mampu menguasai teknik-teknik komunikasi dengan ampuh dan berkesan.

Salah-satu kemahiran komunikasi yang perlu dikuasai mahasiswa ialah kemahiran berucap di khalayak umum, ataupun lebih dikenali sebagai pengucapan awam. Pengucapan awam bermaksud bercakap atau menyampaikan ucapan, pandangan atau lontaran pendapat dalam bentuk formal atau tidak formal, sama ada dalam suasana kumpulan yang kecil atau besar. Pengucapan awam ini penting terutamanya daripada segi penyebaran maklumat, membimbing, pengajaran, dan untuk mempengaruhi orang lain. Tidak dilupakan, pengucapan awam juga bertujuan untuk memberi hiburan kepada penonton.

Contohnya, pengucapan awam dapat disaksikan di kelas-kelas sekolah, dewan-dewan kuliah, siri-siri seminar, ceramah-ceramah politik dan juga di media massa (rancangan televisyen berbentuk dakwah, rancangan masakan, rancangan realiti dan sebagainya).

Bagi menguasai kemahiran pengucapan awam, mahasiswa/i perlu ambil maklum mengenai bentuk-bentuk dan jenis-jenis pengucapan awam yang ada. Pertamanya, ucapan berbentuk penerangan atau mendidik. Gaya ini seringkali dilihat di institusi-institusi pendidikan seperti di sekolah-sekolah dan universiti. Kedua, gaya memujuk atau mempengaruhi. Gaya ini kerap digunakan oleh pakar-pakar jualan untuk mempromosikan produk mereka dan juga di kalangan ahli politik bagi mempengaruhi rakyat berkenaan sesuatu isu semasa. Begitu juga dengan syarahan umum dan pidato yang sering kita lihat. Ketiga, pengucapan awam berbentuk perbincangan juga kerap digunakan di forum-forum dan seminar-seminar. Seterusnya, elemen pengucapan awam yang paling gemar diadakan ialah gaya penglipur lara atau menghibur. Bentuk pengucapan awam ini telahpun sinonim diguna pakai di pelbagai rancangan televisyen dan juga di media-media sosial. Justeru, kesemua bentuk pengucapan awam ini tetap sama iaitu bagi melibatkan diri dalam proses penyebaran maklumat kepada audiens.



Namun, pengucapan yang berkesan juga datang nya dari personaliti yang berketerampilan. Pendengar secara lumrahnya lebih tertarik dengan pengucap yang mempunyai wibawa, di mana beliau merupakan seorang yang mempunyai personaliti dan perwatakan yang menarik, mampu membentuk dan mengawasi emosi audiens dan mahir dalam pengolahan bahasa dan penyampaian yang baik. Secara ringkasnya, anda perlulah yakin dengan apa yang anda fikirkan, yakin dengan apa yang anda ucapkan dan yakin dengan apa yang anda lakukan. Bukan itu sahaja, anda juga perlu tahu bagaimana para audiens mendengar ucapan anda. Bagaimana audiens mendengar? Oleh itu, kita perlu ambil maklum bahawa pemikiran mereka adalah lebih cepat daripada pencerapan mereka. Lantas, mereka cepat dalam membuat sebarang kesimpulan. Seterusnya, perhatian mereka mudah teralih. Jadinya, dapat kita simpulkan bahawa ingatan penonton terhadap isi-isi ucapan akan berkurang dengan penambahan masa.

Berdasarkan kata-kata ahli perniagaan Amerika Syarikat Phil Crosby, “tiada sesiapa yang mampu mengingati lebih daripada tiga intipati (isi) dalam satu-satu masa”. Oleh itu, rancanglah ucapan anda sebaiknya. Pada hemat saya, agak baik sebenarnya jika kita menggunakan formula masa daripada TED, iaitu penyampaian optimum selama 18-20 minit. TED (Technology, Entertainment, Design) merupakan sebuah organisasi di Amerika Syarikat yang menghimpunkan ahli-ahli intelektual dan orang kenamaan dari pelbagai bidang yang berlainan untuk tampil memberikan persembahan/ucapan di beberapa siri persidangan. TED pada hari ini sangat terkenal kerana keupayaan mereka memberikan persembahan-persembahan yang sangat berkesan dan memberi inspirasi. Rahsia mereka, mereka menggunakan pembukaan ucapan yang mantap, penggunaan bahasa yang indah dan penutup yang hebat.

Kesimpulannya, para mahasiswa perlulah menguasai aspek-aspek kemahiran pengucapan awam bagi menggalakkan medan intelektual terbuka yang lebih berkesan bersama masyarakat umum. Persediaan yang cukup sebelum penyampaian bukan sahaja akan meningkatkan keberkesanan maklumat yang ingin disampaikan sekaligus meningkatkan imej diri dan organisasi anda sebagai seorang mahasiswa/i, tetapi juga dapat memberikan kepuasan kepada para penonton.

*“Berikan aku seribu orang tua, nescaya akan
kucabut semeru dari akarnya. Berikan aku seribu
pemuda, nescaya akan kugoncangkan dunia.”
-Soekarno-*

Hasil Karya,
MOHAMAD ZULKARNAIN BIN MOHD DALI

RAMADAN

SEEKING LAILATUL QADR

"The Night of Power is better than a thousand months"

(Quran 97:3)

"Seek it (lailatul qadr) in Ramadan in the last ten nights. For verily, it is during the odd nights,

21 23 25 27 29

or the last night of Ramadan."

(Sahih Hadith Ahmad 5:318)

SAFETY TIPS

Ramadan



REST WELL

Normal sleep pattern is affected during Ramadan, ensure you get a sufficient rest to enhance your productivity!



BALANCE ACTIVITY

Manage time schedule for both work, rest, and personal activities to avoid fatigue during the Holy Month



STAY COOL AND HYDRATED

Wear light-colored and loose clothing, avoid direct exposure to sun and caffeine during Iftar and Suhoor as it dehydrates the body



DRIVE SAFE

There is high tendencies to feel fatigue during Ramadan. Stop and have a rest if you feel tired on the road. Better be safe than sorry!

HEALTHY EATING TIPS *Ramadan*

GIVE YOURSELF TIME TO EAT DURING SUHOOR

Don't skip Suhoor! Suhoor is as vital as breakfast. It keeps us energize and maintain our sugar levels while fasting.



ALWAYS GO FOR BALANCED FOOD

Opt for fresh and real food. Avoid eating white carbs, processed and oily food during Suhoor and Iftar as it is less nutritious and make us feel bloated and heavy.



EAT IN MODERATION

As in the Sunnah, break your fast with dates and water. Then, begin eating slowly. Overeating may cause us to feel tired and lethargic immediately after iftar.



STAY HYDRATED

Drinking at least 8 glasses of water between Iftar and Suhoor reduces your risk of dehydration during fasting.



FOLLOW AND LIKE US ON



**penerbitumt
officialmppumt
pphkpumt**



MEDIA SISWA